

SIMFONI MERDEKA SUBANG JAYA 2026

PERTANDINGAN KOIR ANTARA SEKOLAH PERINGKAT DAERAH PETALING PERDANA

Tema:

"Malaysia MADANI: Kesejahteraan Dinikmati"

BUKU PANDUAN & SYARAT PERTANDINGAN

1.0 PENGENALAN

Simfoni Merdeka Subang Jaya 2026 merupakan pertandingan koir antara sekolah peringkat Daerah Petaling Perdana yang dianjurkan bersempena sambutan Bulan Kebangsaan dan Hari Kemerdekaan Malaysia.

Program ini menjadi wadah untuk mengetengahkan bakat dan kreativiti murid dalam bidang seni suara, di samping menyemarakkan semangat patriotisme, perpaduan dan kecintaan terhadap negara melalui muzik dan nyanyian.

Pertandingan ini turut memberi peluang kepada murid daripada sekolah rendah dan sekolah menengah untuk membina keyakinan diri, disiplin, kerjasama serta semangat berpasukan melalui persembahan koir.

2.0 OBJEKTIF

Pertandingan ini bertujuan untuk:

1. Menyemarakkan semangat patriotisme dan cintakan negara dalam kalangan murid.
2. Memeriahkan sambutan Bulan Kebangsaan dan Hari Kemerdekaan Malaysia.
3. Menggalakkan penglibatan murid dalam aktiviti seni, muzik dan kebudayaan.
4. Mencungkil serta mengembangkan bakat murid dalam bidang seni suara.
5. Memupuk nilai kerjasama, disiplin, kreativiti dan keyakinan diri.
6. Menggalakkan interaksi serta semangat perpaduan dalam kalangan warga sekolah melalui aktiviti seni.
7. Mewujudkan platform pertandingan seni suara yang sihat dan berkualiti di peringkat Daerah Petaling Perdana.

3.0 KATEGORI PERTANDINGAN

Pertandingan dibahagikan kepada dua (2) kategori:

3.1 Kategori Sekolah Rendah

Terbuka kepada murid sekolah rendah di Daerah Petaling Perdana.

3.2 Kategori Sekolah Menengah

- Terbuka kepada murid sekolah menengah di Daerah Petaling Perdana.

4.0 PENYERTAAN

4.1. Terbuka kepada 10 sekolah yang terawal mendaftar di bawah Daerah Petaling Perdana bagi setiap kategori.

4.2. Setiap kumpulan hendaklah terdiri daripada:

- **20 orang murid**
- **1 orang guru pengiring**

4.3. Hanya peserta yang telah didaftarkan secara rasmi dibenarkan menyertai pertandingan.

4.4. Sebarang perubahan atau penggantian peserta selepas tarikh tutup penyertaan hendaklah mendapat kelulusan pihak urus setia.

5.0 TARIKH PENYERTAAN

Tarikh tutup penyertaan: 20 Ogos 2026

Pendaftaran hendaklah dibuat melalui kaedah yang ditetapkan oleh pihak urus setia.

Pihak penganjur berhak menolak penyertaan yang diterima selepas tarikh tutup tanpa alasan yang munasabah.

6.0 TEMA DAN PEMILIHAN LAGU

6.1. Setiap kumpulan hanya dibenarkan mempersembahkan satu (1) buah lagu.

6.2. Lagu hendaklah mempunyai kaitan dengan:

- Kemerdekaan Malaysia;
- Semangat Patriotisme;
- Kecintaan Kepada Negara;
- Perpaduan;
- Keharmonian Masyarakat; Atau Identiti Dan Budaya Malaysia.

6.3. Lagu yang dipersembahkan hendaklah sepenuhnya dalam Bahasa Melayu sahaja.

6.4. Lagu hendaklah bersesuaian dengan umur peserta serta tidak mengandungi unsur yang menyentuh sensitiviti agama, kaum, budaya atau mana-mana pihak.

6.5. Medley boleh dipersembahkan dan akan dianggap sebagai satu persembahan, tertakluk kepada had masa yang ditetapkan.

7.0 TEMPOH PERSEMBAHAN

7.1 Setiap kumpulan diberikan tempoh persembahan antara:

- 5 hingga 7 minit

7.2 Masa persembahan bermula apabila kumpulan memulakan persembahan dan berakhir apabila persembahan selesai.

7.3 Persembahan yang melebihi had masa boleh dikenakan penalti markah oleh panel hakim.

7.4 Masa persediaan teknikal dan mengambil tempat hendaklah mengikut ketetapan pihak urus setia.

8.0 BENTUK PERSEMBAHAN

8.1. Peserta boleh membuat persembahan secara:

- A Cappella; Atau □ Dengan Iringan Muzik.

8.2. Penggunaan minus-one/karaoke track adalah dibenarkan.

8.3. Sekiranya menggunakan iringan muzik, fail audio hendaklah disediakan dalam format MP3 atau WAV.

8.4. Fail audio hendaklah dihantar kepada pihak urus setia mengikut tarikh dan kaedah yang akan dimaklumkan.

8.5. Penggunaan rakaman vokal yang menggantikan nyanyian peserta adalah tidak dibenarkan.

9.0 PENGGUNAAN ALAT MUZIK

9.1. Penggunaan alat muzik secara langsung adalah dibenarkan.

9.2. Semua alat muzik yang diperlukan hendaklah disediakan oleh pihak peserta sendiri kecuali peralatan yang dinyatakan disediakan oleh penganjur.

9.3. Penggunaan alat muzik hendaklah berfungsi sebagai iringan dan tidak mengatasi elemen utama pertandingan iaitu persembahan koir.

10.0 FORMASI DAN KREATIVITI PERSEMBAHAN

10.1. Peserta dibenarkan menggunakan formasi dan pergerakan yang bersesuaian dengan konsep lagu.

10.2. Pergerakan hendaklah tidak menjejaskan:

- Kualiti Vokal;
- Keharmonian Suara;
- Disiplin Persembahan; Dan □ Keselamatan Peserta.

10.3. Penggunaan prop sederhana adalah dibenarkan.

10.4. Prop hendaklah:

- Bersesuaian Dengan Tema;
- Selamat Digunakan;
- Tidak Mengotorkan Atau Merosakkan Pentas; Dan
- Boleh Dibawa Masuk Serta Dikeluarkan Dengan Cepat Oleh Peserta.

11.0 PAKAIAN

11.1. Peserta hendaklah memakai pakaian yang:

- Kemas;
- Sopan;
- Bersesuaian Dengan Persembahan; Dan
- Sesuai Dengan Tema Sambutan Bulan Kebangsaan.

11.2. Penggunaan elemen atau warna Jalur Gemilang amat digalakkan.

11.3. Pakaian tidak boleh mengandungi unsur yang boleh menimbulkan kontroversi atau menyentuh sensitiviti agama, kaum dan budaya.

12.0 PERALATAN TEKNIKAL

12.1. Pihak penganjur akan menyediakan sistem audio asas pertandingan.

12.2. Keperluan teknikal khas hendaklah dimaklumkan kepada pihak urus setia sebelum hari pertandingan.

12.3. Peserta hendaklah mematuhi arahan teknikal berkaitan:

- kedudukan peserta;
- mikrofon;
- sistem audio;
- muzik iringan; dan □ susunan persembahan.

13.0 KRITERIA PEMARKAHAN

Jumlah keseluruhan ialah 100 markah.

BIL	KRITERIA	MARKAH %
1	Kualiti vokal dan ketepatan nada	25
2	Harmoni, keseimbangan dan kesatuan suara	20
3	Penghayatan dan ekspresi	20
4	Kreativiti persembahan dan formasi	15
5	Sebutan dan artikulasi	10
6	Kesesuaian dengan tema Kemerdekaan	10

14.0 ANUGERAH

1. Kategori Sekolah Rendah

- **Johan**

RM1,200 + Piala + Sijil

- **Naib Johan**

RM1,000 + Piala + Sijil

- **Tempat Ketiga**

RM800 + Piala + Sijil

- **Tempat Keempat**

RM500 + Piala + Sijil

- **Tempat Kelima**

RM500 + Piala + Sijil

2. Kategori Sekolah Menengah

- **Johan**

RM1,200 + Piala + Sijil

- **Naib Johan**

RM1,000 + Piala + Sijil

- **Tempat Ketiga**

RM800 + Piala + Sijil

- **Tempat Keempat**

RM500 + Piala + Sijil

- **Tempat Kelima**

RM500 + Piala + Sijil

3. Anugerah Khas

- Anugerah Koir Paling Kreatif
- Anugerah Persembahan Patriotik Terbaik
- Anugerah Vokal Terbaik
- Anugerah Pilihan Juri

Hadiah bagi anugerah khas adalah tertakluk kepada peruntukan dan ketetapan pihak penganjur.

15.0 "JALUR GEMILANG MOMENT"

Sebagai identiti khas Simfoni Merdeka Subang Jaya, setiap kumpulan digalakkan menentang satu elemen persembahan yang menggambarkan:

Malaysia • Perpaduan • Kemerdekaan • Keharmonian

Elemen tersebut boleh diterjemahkan melalui:

- Harmoni Vokal;
- Susunan Muzik;
- Formasi;
- Pergerakan;
- Penggunaan Prop; Atau
- Elemen Kreatif Lain Yang Bersesuaian.

Elemen ini akan dinilai di bawah aspek Penghayatan, Kreativiti Persembahan dan Kesesuaian Tema.

16.0 KEHADIRAN DAN PENDAFTARAN

16.1. Semua kumpulan hendaklah hadir dan mendaftar mengikut masa yang ditetapkan oleh pihak urus setia.

16.2. Setiap kumpulan hendaklah berada di lokasi pertandingan sekurang-kurangnya 30 minit sebelum masa persembahan yang ditetapkan.

16.3. Guru pengiring bertanggungjawab memastikan peserta berada dalam keadaan terkawal sepanjang program berlangsung.

17.0 TATACARA PERSEMBAHAN

Setiap kumpulan hendaklah:

1. Melapor diri kepada urus setia.
2. Membuat persediaan di ruang yang ditetapkan.
3. Menunggu arahan petugas teknikal.
4. Mengambil tempat di atas pentas.
5. Mempersembahkan lagu yang telah didaftarkan.
6. Menamatkan persembahan dalam tempoh yang ditetapkan.
7. Mengosongkan pentas mengikut arahan urus setia.

18.0 KEPUTUSAN HAKIM

18.1. Keputusan panel hakim adalah muktamad.

18.2. Sebarang bantahan terhadap keputusan pertandingan tidak akan dilayan selepas keputusan rasmi diumumkan.

18.3. Sekiranya berlaku jumlah markah yang sama, panel hakim akan membuat penentuan berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan.

18.4. Keputusan rasmi akan diumumkan pada akhir pertandingan.

19.0 TANGGUNGJAWAB PESERTA

Peserta hendaklah:

- Mematuhi Semua Peraturan Pertandingan;
- Menjaga Disiplin Dan Tingkah Laku;
- Menjaga Kebersihan Kawasan Pertandingan;

- Menghormati Peserta Dan Pihak Sekolah Lain;
- Mematuhi Arahan Urus Setia; Dan
- Menjaga Keselamatan Diri Serta Ahli Kumpulan.

20.0 HAK PIHAK PENGANJUR

Pihak penganjur berhak:

- a. Menolak penyertaan yang tidak memenuhi syarat;
- b. Membuat pindaan terhadap perjalanan pertandingan atas faktor teknikal atau pengurusan;
- c. Mengubah susunan persembahan sekiranya diperlukan;
- d. Menangguhkan atau membatalkan pertandingan atas faktor yang tidak dapat dielakkan; dan
- e. Menggunakan gambar, video dan rakaman persembahan bagi tujuan dokumentasi, promosi dan hebahan rasmi program.

21.0 PENUTUP

Diharapkan Simfoni Merdeka Subang Jaya 2026 dapat menjadi platform yang bermakna dalam menyemarakkan semangat patriotisme, memperkukuh perpaduan serta mencungkil bakat seni dalam kalangan murid sekolah di Daerah Petaling Perdana.

Melalui alunan suara dan harmoni generasi muda, semangat kemerdekaan bukan sahaja diraikan, malah terus dihayati dan diwariskan kepada generasi akan datang.

“Bersatu Suara, Sehati Malaysia.”

SIMFONI MERDEKA SUBANG JAYA 2026

Pertandingan Koir Antara Sekolah Peringkat Daerah Petaling Perdana